

Saman: MTUC cabar LIAM teruskan hasrat

UM 4 JUL 2001

PUTRAJAYA 3 Julai — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini mencabar Persatuan Insurans Nyawa Malaysia (LIAM) meneruskan hasrat mereka untuk menyaman kesatuan sekerja itu berhubung isu penajaan tiga pegawai Kumpulan Wang Simnanan Pekerja (KWSP) ke Eropah.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, kesatuan sekerja itu tidak gentar dengan ugutan yang dibuat oleh LIAM kerana dakwaan pihaknya memang berasas.

Beliau menegaskan, pihaknya juga tidak akan memohon maaf kepada persatuan itu seperti yang diminta berdasarkan apa yang telah diputuskan oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja MTUC bar-u-baru ini.

"Kalau mereka nak saman teruskanlah. Kita bersedia menghadapinya dan akan cakap tentang perkara tersebut di mahkamah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini.

Turut serta dalam pertemuan itu ialah Timbalan Presiden MTUC, Shafie B.P. Mammal dan lima pemimpin lain.

Pada 16 Jun lalu, Presiden LIAM, L. Meyappan memberi tempoh selama dua minggu kepada MTUC untuk memohon maaf kerana membuat tuduhan yang menurutnya langsung tidak berasas.

Jika kesatuan sekerja itu gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, pihaknya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap MTLJC kerana menuduh tanpa bukti sehingga menjejaskan imej LIAM.

Bagaimanapun, tempoh dua minggu tersebut berakhir Sabtu lalu tanpa sebarang permohonan maaf daripada mana-mana pemimpin MTUC.

Sebelum itu, pemimpin MTUC mendakwa LIAM dan syarikat insurans menaja tiga pegawai tertinggi KWSP untuk lawatan ke beberapa negara Eropah bagi mengkaji keberkesanan Skim Anuiti di negara berkenaan.

Malah Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran bersedia untuk menyerahkan nama tiga pegawai KWSP yang dikatakan menyertai lawatan tersebut kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) secepat mungkin.

Zainal menambah, MTUC be-

rani mendedahkan perkara itu kepada umum kerana mereka mempunyai bukti mengenai perkara tersebut.

"Kalau tak ada bukti, kita pun tak mahu cakap mengenainya," kata beliau.

Jelas Zainal, perbuatan LIAM mahu menakut-nakutkan MTUC dengan ugutan untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas kesatuan sekerja itu sebenarnya adalah sia-sia sahaja.

Beliau berkata, sebagai sebuah kesatuan sekerja yang didokong oleh ahli yang ramai, MTUC sedia bertindak terhadap apa-apa perkara yang menyetuh secara langsung kepentingan pekerja di negara ini.

Ditanya, sama ada MTUC telah menerima apa-apa notis tindakan mahkamah dari LIAM, Zainal berkata, sehingga kini belum menerimanya.

Dalam pada itu, Zainal berharap LIAM akan mengaku mengenai kesalahan mereka dalam isu tajaan tersebut dan tidak lagi cuba berdolak-dalik mengenainya.